

**Umno Dapat Permit Polis Anjur Kenduri Rakyat 1Malaysia Di Bayan Baru Esok  
Bernama  
25 April , 2012**

GEORGE TOWN, 25 April (Bernama) -- Umno Bahagian Bayan Baru Rabu mendakwa telah mendapat permit polis bagi memasang khemah untuk program kenduri rakyat 1Malaysia di Persiaran Mahsuri, Bayan Baru di sini esok sempena lawatan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin

Ketua Penerangan Umno Bahagian Bayan Baru, Datuk Ridzuan Bakar berkata, sehubungan itu tidak timbul isu kononnya khemah untuk majlis kenduri itu didirikan tanpa kebenaran dan telah menutup jalan.

"Khemah mula dipasang sejak semalam dan kami tidak menghadapi sebarang masalah daripada penduduk di sini kerana kami telah menyediakan laluan alternatif untuk kemudahan penduduk.

"Sebaliknya mereka (pihak kerajaan negeri) menuduh kita tidak mendapat permit untuk mengadakan majlis berkenaan dan pembinaan khemah itu mengganggu lalu lintas," katanya kepada pemberita di sini Rabu.

Terdahulu, berlaku perang mulut di kawasan khemah itu selepas Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Batu Maung Abdul Malik Abul Kassim dan Adun Pantai Jerejak Sim Tze Tzin mendakwa tindakan memasang khemah itu adalah salah kerana tidak mendapat kebenaran dari Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=661693>